

09 AUG 1997

Nik Aziz-Syariah

KELANTAN SOKONG USAHA KEMASKINI UNDANG-UNDANG SYARIAH

PASIR PUTEH, 9 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri Kelantan pimpinan PAS pada prinsipnya menyokong cadangan kerajaan pusat mengemaskinikan undang-undang syariah di negara ini.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menyatakan sokongan itu bagaimanapun mempersoalkan kesan daripada cadangan yang bakal dilaksanakan itu.

"Apakah selepas terlaksananya penyelarasan itu masalah yang bercanggah dengan undang-undang syariah seperti pertandingan ratu cantik, akan terus berlaku seperti di Selangor," katanya kepada pemberita selepas merasmikan jalan raya Tok Bali-Kampung Kuala Semerak di sini, hari ini. Jalan raya sejauh 3 km itu siap dibina dalam masa 11 hari.

Nik Aziz berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang antara lain berkata kerajaan akan mengkaji semula peranan ulama dan mufti serta megemaskinikan undang-undang syariah di negara ini bagi mengelakkan kekeliruan terhadap Islam.

Nik Aziz juga berharap cadangan itu dibuat bagi memastikan kedaulatan undang-undang syariah di negara ini terus mantap.

Sementara itu semasa berucap pada majlis itu, Nik Aziz menafikan Kelantan menentang projek-projek pembangunan seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Beliau berkata, Kelantan sentiasa menitikberatkan projek pembangunan untuk rakyat asalkan ia tidak bercanggah dengan kehendak Islam.

"Cuma ia berbeza dengan kerajaan sekular yang hanya mengira sokongan rakyat semata-mata, mereka membuat apa sahaja kemajuan termasuk yang bercanggah dengan Islam," katanya.

Menurut beliau, sebaliknya PAS mempunyai dasar pembangunannya yang tersendiri. -- BERNAMA

WM PR